

11 JAN 2003

Rencana-Jepun-Dasar

PENGAJARAN DPD DASAR PANDANG KE TIMUR: PEMODENAN BUKAN MENJADI BARAT

Bahagian Kedua/Akhir Daripada Siri

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

KUALA LUMPUR: Antara pengajaran berguna yang dipelajari Malaysia daripada Dasar Pandang Ke Timur Jepun ialah pemodenan bukan bermaksud menjadi seperti Barat.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) yang juga Pengerusi Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia (ISIS) Tan Sri Dr Noordin Sophee berkata apa yang dipelajari Malaysia daripada Jepun menerusi dasar itu ialah buat pertama kalinya ia memahami bahawa pemodenan tidak bermaksud menjadi seperti Barat.

"Dengan melihat Jepun, kita memahami bahawa terdapat lebih daripada satu cara untuk menjadi moden dan ia merupakan pengajaran yang paling penting kerana kebanyakan kita, mahu moden, mahu maju tetapi bersandarkan nilai-nilai budaya sendiri, tanpa memusnahkan nilai-nilai yang perlu kita miliki dan terus kekalkan sedangkan Jepun memperlihatkannya melalui cara ini (dasar).

"Perlu ada lebih daripada satu cara untuk ke syurga. Dan ini sangat penting dan kita telah pelajarinya daripada Jepun," katanya.

Dr Noordin turut mengenang kembali 20 tahun lepas, ketika ekonomi Malaysia bergantung kepada pertanian dan petroleum dan hari ini berdasarkan ukuran, ia merupakan negara ekonomi industri ketiga terbesar di dunia.

"Walaupun ini tidak berapa baik kerana kekayaan sebenar sepatutnya datang daripada ekonomi pasca industri, kita kini baru separuh jalan ke arah yang kita tuju," katanya.

Beliau berkata peralihan Malaysia kepada k-ekonomi bukan sekadar memperkenalkan industri berasaskan pengetahuan tetapi yang lebih penting ialah agar rakyat melakukan segala-galanya dengan menggunakan pengetahuan.

PELAN INDUK BAWAH KE ATAS

Pelan induk ekonomi berasaskan pengetahuan Malaysia, yang dipertanggungjawabkan kepada ISIS untuk merangkanya, disediakan menggunakan pendekatan "bawah ke atas" Jepun. ISIS mengambil masa setahun untuk merangka pelan induk itu dan memperkenalkan kepada rakyat sebelum dikemukakan untuk kelulusan kerajaan.

Dr Noordin berkata, dalam hubungan ini, apa yang dipelajari Malaysia daripada Jepun ialah ada cara lain untuk menyediakan pelan dasar serta tidak menghadkannya kepada satu cara lama.

"Selama beratus-ratus tahun, kita hanya mengetahui bahawa cara terbaik untuk merancang ialah menempatkan orang paling bijak dalam sebuah bilik dan pastikan mereka bekerja keras supaya dapat menyiapkan pelan yang menarik dan kemukakan kepada Kabinet. Kerajaan kemudiannya akan memutuskan apakah pelannya dan kemudian kita jual kepada rakyat," katanya.

Produk DPT - pelajar dan pelatih serupa - telah mendapat banyak pengetahuan dan pengalaman daripada Jepun dan kebanyakan mereka kini menjawat jawatan penting di Malaysia.

Antara mereka ialah Datuk Zulkifli Abdul Malek, yang merupakan kelompok pertama pelajar menerusi program DPT, lulusan Fakulti Perdagangan, Universiti Hitotsubashi.

Zulkifli yang kini merupakan Penasihat Negara bagi Malaysia di Mizuho Asset Trust and Banking Co Ltd, berkhidmat dengan bank berkenaan di Tokyo, Jakarta, Labuan dan Kuala Lumpur selepas menamatkan pengajiannya di negara itu.

Beliau juga adalah pengarah Epson, Daifuku, Kokusai Keiso, Novalux,

Teikyo, United Seino Transportation dan dalam masa yang sama, mengurus syarikat-syarikatnya sendiri, Diesel Engineering Services dan CostaLink Technology.

PENGAJARAN SUKAR DAN MEMERLUKAN MASA, TENAGA

Antara mereka yang mengikuti jejak langkah beliau ialah Hariyani Madon, kini berkhidmat sebagai pegawai di Bumiputra-Commerce Bank Berhad, cawangan Tokyo.

Mengimbas kembali pengalaman beliau kepada Bernama, Hariyani, 27, berasal dari Batu Pahat, Johor, berkata beliau telah melalui pengalaman paling menarik semasa di Jepun dan ingin mengetahui lebih lanjut mengenai cara Jepun melakukan sesuatu, ketika masih bekerja di Jepun.

Bagi beliau, dua tahun menyertai program persediaan di Ambang Asuhan Jepun di Universiti Malaya dan semester pertama di universiti Jepun merupakan pengalaman paling menyeksakan.

Bagaimanapun, berbekalkan semangat dan keazaman, Hariyani berjaya mengatasi segala halangan dan akhirnya lulus dengan cemerlang dari Universiti Okayama pada 1999.

"Kehidupan kampus di Universiti Malaya sepatutnya menarik tetapi bagi saya dan rakan sekursus, kami hanya dapat melihat penuntut lain bergembira dengan aktiviti mereka.

"Kami dibebani banyak kerja rumah, perlu banyak mengulang kaji dan menghafal huruf Cina atau kanji serta silibus lain Jepun - katakana dan hiragana," ujarnya sambil ketawa kecil.

Dari mula lagi, penuntut ke Jepun diajar oleh pensyarah (sensei) Jepun mengenai nilai-nilai penting untuk mencapai kejayaan seperti: sentiasa menepati masa, menyiapkan kerja rumah, sentiasa segar dalam kelas, tidak memakai selipar dalam kawasan akademik dan sentiasa berpakaian kemas sepanjang masa.

"Di Malaysia, kami diasuh untuk menghormati dan menundukkan kepala kepada sensei dan pensyarah lain setiap kali kami memasuki bilik mereka," katanya.

Selepas lulus peperiksaan Mombusho, Hariyani memasuki Universiti Okayama di Wilayah Okayama dan di sini beliau melalui satu lagi cabaran kerana merupakan pelajar asing pertama yang mengambil kursus Kimia Organik di bawah Jabatan Sains Biokejuruteraan.

Selain perlu menguasai dialek tempatan, cabaran paling besar baginya ialah terpaksa memahami sepenuhnya subjek baru fizik, yang menggunakan istilah Jepun yang begitu asing baginya.

"Saya langsung tidak memahami satu pun syarahan fizik terbabit. Serta-merta selepas syarahan, saya berjumpa sensei, menangis dan merayunya memberi penjelasan sekali lagi kepada saya," katanya.

Hariyani juga mengatur tuisyen peribadi setiap hujung minggu dengan sensei berkenaan dan berterima kasih kerana pensyarahnya begitu memahami dirinya.

"Alhamdulillah saya lulus mata pelajaran itu," katanya.

Selepas lulus, Hariyani gagal mendapat sebarang pekerjaan di Jepun, berbeza daripada rakan-rakannya yang lain, kerana kursus yang diikutinya tidak sesuai dengan kehendak industri ketika itu.

Beliau meneruskan pengajian di peringkat lepasan ijazah tetapi berhenti setengah jalan kerana pensyarahnya tidak meminati penyelidikan yang beliau minati dan kemudian memutuskan untuk mencari sedikit pengalaman sebelum pulang ke Malaysia.

Tanpa menggunakan ijazah yang diperolehinya dan bersendirian di Jepun, Hariyani hanya mampu mendapat pekerjaan sementara di kedai menangkap ikan di wilayah Kochi dengan pendapatan 750 yen sejam.

Selepas enam bulan, apabila tempoh visa pelajarannya akan tamat, beliau

pergi ke Kedutaan Malaysia di Tokyo untuk membeli tiket penerbangan pulang tetapi diberitahu bahawa ada peluang pekerjaan di Bumiputera Commerce Bank, Cawangan Tokyo.

Kaunselor Jabatan Sumber Manusia di kedutaan ketika itu, Tajuddin Md Don memberitahu bahawa bank berkenaan sedang mencari seorang pegawai dan pada hari yang sama, beliau menghadiri temuduga di bank berkenaan.

Tawaran kerja sebagai pegawai di jabatan pentadbiran dan perakaunan diketahui tiga minggu kemudian dengan tawaran gaji 230,000 yen sebulan. Hariyani kini menetap di satu kawasan di utara wilayah Chiba, berdekatan Tokyo, dengan kadar sewa 40,000 yen sebulan.

Walaupun kos hidup di Jepun sangat mahal, Hariyani masih mampu menghantar pulang wang kepada keluarga di Batu Pahat.

"Saya sangat gembira bekerja di Jepun. Saya berharap dapat menurunkan pengalaman saya kepada penuntut lain.

"Bagi saya, Dasar Pandang ke Timur merupakan perkara terbaik yang dilakukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Dasar ini mesti diteruskan kerana kita sedang berusaha untuk menjadi negara maju menjelang 2020," katanya.

Harapan beliau ialah semua penuntut dan pelatih Malaysia yang telah menimba pengalaman di Jepun supaya pulang dan berkhidmat kepada masyarakat dan negara dengan mengaplikasikan semua nilai dan etika kerja baik yang diperolehi dari Jepun. -- Bernama

AFY KGO LAT CR